



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/9/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KATS / JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Klip video #savemerapoh kembali tular

KUANTAN - Klip video bertajuk #savemerapoh yang tular di laman sosial sejak minggu lalu adalah video lama pada 2018.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, video itu merujuk kepada kawasan seluas 668.9 hektar di Merapoh, Lipis di sini milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) yang pada asalnya mahu dijadikan ladang kelapa sawit.

“Namun, Kementerian difahamkan kerajaan Pahang telah mengkaji semula cadangan pembangunan tanah di kawasan berkenaan dan seterusnya mem-



XAVIER

batalkan pemilikan PKPP yang melibatkan kawasan seluas 600 hektar.

“Kerajaan Pahang juga bersetuju membatalkan cadangan penanaman kelapa sawit dan menjadikan kawasan tersebut sebagai

hutan simpanan kekal (HSK) serta dikelaskan sebagai hutan tadahan air,” katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Dr Xavier berkata, kerja mewartakan kawasan terlibat sebagai HSK juga dalam tindakan agensi berkaitan.

Isu pembalakan di Merapoh hangat diperkatakan bermula penghujung Oktober 2017 menerusi penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar sehingga mewujudkan solidariti masyarakat antarabangsa di laman sosial menerusi #savemerapoh.
- Bernama